

07 AUG 1997

PENGERUSI BERSAMA MAJLIS MENTERI BOSNIA LAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Boro Botic dan Haris Siladjic, Pengerusi Bersama Majlis Menteri-menteri Bosnia-Herzegovina, akan mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia selama lima hari bermula Ahad ini.

Lawatan itu adalah hasil jemputan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengukuhkan hubungan dua hala.

Mereka akan diiringi oleh Naib Pengerusi Majlis Menteri-menteri Neven Tomic, Menteri Perdagangan Luar, Hasan Muratovic dan rombongan 42 ahli perniagaan.

"Malaysia menganggap lawatan ini amat penting kerana ia merupakan kunjungan rasmi kali pertama Pengerusi Bersama ke negara luar," menurut kenyataan Wisma Putra hari ini.

Botic dan Siladjic akan melawat Unit Perancang Ekonomi, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang.

Mereka akan berucap mengenai perkembangan isu semasa di Bosnia-Herzegovina pada satu majlis anjuran Institut Diplomasi dan Hubungan Luar selain menemui wakil-wakil sektor swasta dari Malaysia.--BERNAMA

MNY NN MAI